



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwpcb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PERPUSTAKAAN 1MALAYSIA YANG KETIGA DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

19 Mac 2013, Kuala Lumpur – YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar hari ini menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Perpustakaan 1Malaysia Parlimen Titiwangsa di Jalan Wirawati, Kg. Pandan, Kuala Lumpur. Kepadatan penduduk yang tinggi dan majoriti penduduk adalah berpendapatan rendah menjadi sebab utama Perpustakaan 1Malaysia yang ketiga ini akan dibina di sini.

2. Perpustakaan 1Malaysia yang mempunyai keluasan lantai 17,000 kaki persegi dibangunkan bertujuan untuk menyediakan satu pusat kegiatan masyarakat yang komprehensif ke arah mewujudkan masyarakat berilmu. Projek Perpustakaan 1Malaysia yang dibangunkan oleh Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) dengan sokongan sepenuhnya oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar serta pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di bawah inisiatif *Corporate Social Responsibility* (CSR). Projek ini dijangka mengambil masa selama 9 bulan untuk siap sepenuhnya.

3. Untuk permulaan Projek Perpustakaan 1Malaysia akan menyediakan kira-kira 15,000 bahan bacaan dan ditambah setiap tahun mengikut keperluan. Perpustakaan ini

bukan sahaja menyediakan perkhidmatan pinjaman buku, tetapi akan menyediakan aktiviti berbentuk pendidikan seperti *story telling*, *information literacy*. Bahan bacaan yang disediakan adalah relevan dengan keperluan kanak-kanak, pelajar-pelajar dan penduduk setempat yang meliputi buku dan majalah, CD dan bahan-bahan bacaan berbentuk digital seperti *e-book*, *e-magazine* dan *e-journal*. Turut disediakan ialah tuisyen dalam talian bagi membantu pelajar-pelajar mengulangkaji pelajaran.

4. Selain di Jalan Wirawati, Titiwangsa, Perpustakaan 1Malaysia turut dibangunkan di PPR Lembah Pantai, Lembah Pantai dan di Taman medan Idaman, Wangsa Maju. Ketiga-tiga perpustakaan ini apabila siap akan diserahkan kepada Dewan Bandar raya Kuala Lumpur untuk ditadbir urus. Fasiliti dan perkhidmatan yang disediakan di Perpustakaan 1Malaysia mampu meningkatkan kebolehcapaian masyarakat terhadap maklumat-maklumat yang menghubungkan masyarakat dengan dunia luar.

5. Pelaksanaan Projek Perpustakaan 1Malaysia diharap dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh kanak-kanak, pelajar-pelajar dan penduduk setempat untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar, memenuhi masa lapang mereka dengan aktiviti yang berfaedah dan seterusnya meningkatkan kualiti kehidupan yang lebih baik ke arah mewujudkan masyarakat berilmu dalam usaha kerajaan ke arah pembangunan Wilayah Persekutuan selaras dengan Gagasan 1Malaysia-Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

19 MAC 2013

Kuala Lumpur